

# PM arah siasat dakwaan gadis Filipina dicabul

UM - 6 SEP 2002

Oleh  
**ASUKI ABAS, ISMAIL DAUD**  
dan **RIDWAN MD. IMAN**

**C**YBERJAYA 5 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan pihak berkuasa menjalankan siasatan segera secara menyeluruh mengenai dakwaan seorang anggota polis mencabul gadis Filipina berumur 13 tahun semasa di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Menggatal di Sabah, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, beliau akan memaklumkan kepada Presiden Gloria Macapagal Arroyo bahawa kerajaan akan menyiasat

perkara itu dengan serius dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab sekiranya dakwaan itu didapati benar.

“Ya, kita akan menyiasat, saya akan membalas (surat) kepadanya (Arroyo) bahawa kita akan menyiasatnya dengan serius dan jika kita mendapati perkara itu benar, kita akan dapatkan pelakunya dan kenakan tindakan tegas,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) Keenam di Cyberjaya di sini, hari ini.

Perdana Menteri mengulas laporan media bahawa Presiden Arroyo telah menghantar surat yang agak keras kepadanya berikutan dakwaan bahawa seorang gadis Filipina, Jawina Song, 13, dicabul secara seksual di salah sebuah pusat tahanan di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

Dr. Mahathir mengesahkan bahawa surat yang diterimanya itu “agak keras kerana mereka (Filipina) merasa amat marah terhadap dakwaan tersebut.

“Dan rakyat kita pula harus belajar bahawa mereka tidak boleh terlepas jika melakukan perkara seperti itu.

“Ta merosakkan (nama) negara kita, imej kita,” ujar beliau.

Menurut Perdana Menteri, beliau merasa amat terganggu kerana terdapat dakwaan-dakwaan mengenai salah laku seperti itu.

“Bagaimanapun, jika ia benar, adalah menjadi tugas kita untuk mengambil tindakan terhadap mereka,” tegas Perdana Menteri.

Sementara itu, dalam satu kenyataan tiga perenggan yang turut dikeluarkan di sini hari ini, Perdana Menteri memberi jaminan kepada pemerintah dan rakyat Filipina bahawa tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang bersalah.

“Kerajaan Malaysia dan saya secara peribadi memandang dengan kebimbangan serius dakwaan yang dibuat oleh Jawina Song bahawa beliau menjadi mangsa pencabulan seksual di salah sebuah pusat tahanan di Kota Kinabalu.

“Saya telah mengarahkan satu siasatan yang segera dan teliti dibuat oleh pihak berkuasa berkenaan bagi mengesahkan dakwaan itu.

“Saya dengan ini mahu memberi jaminan kepada pemerintah dan rakyat Filipina bahawa tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab, sesuai dengan undang-undang Malaysia,” tegas Perdana Menteri.